

Ribuan ikan, udang galah mati



Adam memeriksa keadaan air sungai yang masih terdapat tompokan minyak dan buih ekoran pencemaran yang berlaku.



Penduduk mengutip ikan yang mati terapung untuk mengelakkan air sungai menjadi lebih busuk.

Dipercayai akibat pencemaran sungai daripada sisa kilang

keadaan air sungai masih berwarna kehitaman dan dapat dilihat tompokan minyak serta buih di permukaan sungai tersebut.

RAIHAM MOHD SANUSI

Hilang punca pendapatan

Menurut Adam, sungai menjadi sumber pendapatan hariannya sejak 50 tahun lalu kerana sungai sepanjang kira-kira 30 kilometer berkenaan menjadi habitat spesies ikan baung dan tapah yang memang diketahui harganya mahal di pasaran.

"Biasanya saya dapat RM60 hingga RM80 sehari hasil jual ikan yang ditangkap di sungai ini tetapi sejak Jumaat lepas, saya hilang terus punca pendapatan.

"Pencemaran ini juga menyebabkan air sungai berubah menjadi masin, bila rasa air sungai, bibir pun jadi pedih malah tapak tangan saya juga menggelupas," katanya.

Katanya, pencemaran sungai itu sebenarnya sudah lama berlaku iaitu sejak sebuah kilang memproses asid amino untuk makanan temakan beroperasi berdekatan kampung mereka pada 2015 dan masalah pencemaran itu juga pernah dilaporkan



Udang galah turut mati akibat pencemaran sungai yang teruk.

tahun lalu serta tindakan turut diambil Jabatan Alam Sekitar (JAS).

Bagaimanapun, Adam berkata, masalah berkenaan masih berlarutan malah menjadi lebih teruk dengan kematian ribuan ikan dan udang galah terbabit.

Tambah Adam, hasil tinjauan dan siasatan yang dilakukan penduduk mendapati air buangan dari kilang berkenaan memang memasuki sungai.

Sehubungan itu, katanya, penduduk berharap agar tindakan lebih tegas dapat diambil terhadap kilang berkenaan dan kilang itu perlu memikirkan cara agar tidak melepaskan sisa buangannya ke bahagian hulu

sungai.

Mahu JAS bertindak

Sementara itu, Pengerusi Jawtankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) Kampung Pangkalan Ranggon, Azman A Ghani berkata, beliau mewakili seluruh penduduk kampung berharap pihak JAS dapat menyelesaikan masalah itu segera.

"Sebelum ini juga sudah berlaku kes-kes ikan mati, macam tahun lepas ratusan ikan mati di muara sungai Kuala Kerteh termasuk siapak merah dan putih.

"Untuk ikan membiak agak lambat, makan masa dua tiga bulan tapi kalau ikan berterusan mati, pendapatan penduduk kampung memang akan terus terjejas," katanya.

Katanya, sungai itu menjadi tempat orang kampung mencari rezeki dari generasi ke generasi.

"Ayah saya pun dulu cari udang dan ikan tapah di sungai ini," katanya.

Tambah Azman lagi, pencemaran sungai yang berlarutan juga menyebabkan habitat kelip-kelip di sungai terbabit kini sudah pupus.

"Sekarang kelip-kelip di sungai ini sudah tak ada langsung, air sungai pun sudah berbau busuk. Jadi diharap tindakan segera dapat diambil untuk atasi kes ini," katanya.

Sementara itu, Ketua JAS Cawangan Kemaman, Rozaimi Mat Zin berkata, susulan aduan yang diterima penduduk, pihaknya menjalankan siasatan di sungai itu selama dua hari bermula kelmarin.

"Ketika siasatan dibuat kita tak temui ikan yang mati namun kita ambil sampel air sungai itu dan sampel air sungai berdekatan beberapa buah kilang di kawasan itu yang dilihat berpotensi mencemarkan sungai berkenaan.

"Pengambilan sampel itu untuk membantu siasatan lanjut kes ini," katanya.

Ribuan ikan dan udang galah di Sungai Pengkalan Ranggon, Kerteh, ditemui mati sejak Jumaat lalu dipercayai akibat pembuangan sisa sebuah kilang berdekatan hingga sungai terbabit tercemar.

Keadaan itu menyebabkan puluhan nelayan sungai dan pemancing udang galah di kawasan itu hilang punca pendapatan semenjak lima hari lalu.

Wakil nelayan sungai, Adam Abdullah, 60, berkata, bangkai ikan dan udang galah mula timbul di permukaan air pada Jumaat lepas dan sehingga semalam masih ada hidupan sungai itu naik ke tebing sungai itu ekoran 'mabuk'.

Katanya, dia menyedari sungai itu tercemar ketika turun ke sungai untuk menahan tauk pada malam Khamis lalu selepas melihat air yang berubah hitam pekat.

"Saya pasang tauk guna umpan hidup iaitu anak ikan tamban sisik dan saya pelik sebab lepas labuhkan umpan ke dasar sungai, umpan ikan hidup itu terus mati. Biasanya umpan ikan itu boleh kekal hidup hingga dua tiga hari.

"Esoknya lepas turun semula ke sungai, saya terkejut tengok ribuan ikan pelbagai spesies dan udang galah mati terapung," katanya ketika ditemui di lokasi kejadian semalam.

Sehingga semalam juga,



Adam (kanan) dan penduduk meninjau keadaan air sungai yang masih kotor semalam.



Adam yang ditemani Azman menunjukkan tauknya yang tidak dapat dipasang ekoran keadaan sungai yang tercemar.